

05/04/1997

Malaysia contoh terbaik negara Islam

Mohd Shah Abdullah

KOTA BHARU, Jumaat - Malaysia adalah contoh terbaik sebuah negara Islam yang maju dan aman, walaupun ada perbezaan fahaman politik di kalangan rakyatnya yang beragama Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, keadaan seperti ini tidak berlaku di beberapa negara Islam lain yang menjadi kucar-kacir kerana umat Islam bertelingkah dan berperang sehingga menyebabkan mereka berbunuhan sesama sendiri.

"Di Malaysia, Umno dan Pas masih menjadi musuh politik, tetapi ini tidak bermakna kita tidak boleh bekerjasama atau bertindak keterlaluan sehingga boleh menghancurkan negara kita.

"Di sesetengah negara Islam, perbezaan politik disebabkan agama, permusuhan menjadi keterlaluan sehingga sanggup berperang sekali gus membantutkan kemajuan negara," katanya ketika merasmikan kilang KUB Tekstil Sdn Bhd di Pengkalan Chepa, dekat sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dan beberapa menteri Kerajaan Pusat.

Pada majlis itu juga, Dr Mahathir menyaksikan upacara menandatangani perjanjian usaha sama antara KUB dengan Keloil Sdn Bhd, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisas Negeri Kelantan.

Perjanjian membabitkan usah asama memajukan sebuah kompleks petrokimia itu ditandatangani Pengerusi KUB, Datuk Hassan Harun dan Pengerusi Keloil yang juga Timbalan Menteri Besar Kelantan, Abdul Halim Abdul Rahman.

Kompleks petrokimia itu akan dibina di kawasan seluas 2,000 hektar di Pantai Senok, Bachok. Ia akan dikenali sebagai Kompleks Petrokimia Bersepadu Pantai Senok, yang dijangka siap pada 2003.

Perdana Menteri berkata, perjanjian usaha sama itu membuktikan bagaimana pembangunan ekonomi tidak harus dipolitikkan, walaupun ada perbezaan dari segi fahaman politik.

Dr Mahathir juga berkata, orang Melayu harus menguasai dan berjaya dalam bidang ekonomi, termasuk mengendalikan perniagaan besar bagi membetulkan tanggapan buruk dan negatif terhadap Islam.

Dalam hubungan berkenaan, katanya, perbezaan pegangan politik tidak harus dijadikan faktor penghambat bagi orang Melayu di negara ini mencapai kejayaan dan kemajuan ekonomi.

Beliau yakin orang Melayu memang boleh mencapai kejayaan kerana bukti semasa menunjukkan sudah banyak syarikat besar milik Melayu mencatat keuntungan melebihi RM1 bilion setahun.

Perdana Menteri menegaskan kejayaan dalam bidang ekonomi umat Islam itu juga boleh membantu melonjakkan imej Islam dan ia adalah satu cara berdakwah yang berkesan.

"Tidak akan ada orang yang hendak mengikut orang yang lemah dan tidak berjaya. Mereka (bukan Islam dan musuh Islam) hanya akan mengikut contoh orang yang berjaya.

"Kita perlu membuktikan orang Islam mampu berjaya di samping melakukan ibadat sebagai umat Islam. Kita juga perlu menjadi contoh kepada negara Islam lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu memang boleh mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi asalkan perniagaan mereka diurus dengan baik, termasuk dalam aspek pengurusan kewangan.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menjelaskan tujuan Kerajaan Pusat membenarkan pasukan kriket Israel menyertai Kejohanan Piala Majlis Kriket

Antarabangsa (ICC) yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur, walaupun mendapat bantahan daripada sesetengah kumpulan, termasuk Pas.

(END)